

23 DEC 1999

Mahathir-KDNK

KDNK TAHUN DEPAN MAMPU MELEBIHI 5 PERATUS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia tahun depan mampu melebihi unjuran 5 peratus berdasarkan jangkaan bahawa ekonomi akan bertambah baik pada tahun 2000 berbanding tahun ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata keyakinannya itu berdasarkan kepada beberapa petunjuk positif termasuk peningkatan eksport, prestasi lebih baik oleh sektor lain dalam ekonomi dan harga minyak yang menggalakkan.

"Berdasarkan ini, pertumbuhan KDNK tahun depan seharusnya lebih baik daripada 4.3 peratus yang diunjurkan bagi tahun ini," katanya pada sidang berita selepas melancarkan syiling emas peringkatan alaf baru oleh Bank Negara Malaysia di sini.

Ketika ditanya sama ada KDNK akan kembali ke paras seperti sebelum berlakunya krisis ekonomi pada 1997, Dr Mahathir berkata : "Mungkin, (tetapi) kita sentiasa konservatif, kita hanya unjurkan 5 peratus untuk tahun depan. Seperti tahun ini, kita unjurkan 1 peratus tetapi kita mampu mencapai 4.3 peratus."

Kepada soalan sama ada industri tempatan boleh mengharapkan bantuan yang lebih, beliau berkata tidak banyak yang boleh disediakan kerana kerajaan telah melakukan pelbagai cara yang termampu olehnya seperti menurunkan kadar faedah, menyediakan lebih banyak kredit dan inisiatif lain, umpamanya membantu dalam kempen pemilikan rumah, penjualan runcit malahan memperuntukkan RM150 juta untuk menggalakkan pelancongan.

Perdana Menteri berkata kadar faedah dijangka tidak akan turun dengan banyaknya kerana ianya sudahpun terlalu rendah.

Jika ia turun lagi, orang ramai mungkin tidak mahu menyimpannya dalam simpanan tetap kerana pulangnya rendah, katanya.

"Itulah sebabnya kita perlu imbangkan (kedudukannya)," katanya.

Ketika ditanya mengenai perkembangan terbaru dalam penggabungan bank, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang menunggu bank mengemukakan cadangan mereka kepada Bank Negara dan mereka diberi tempoh sehingga penghujung Januari.

Selepas itu, katanya, pihak berkuasa akan menilai cadangan mereka.

Ketika diminta mengulas kononnya penstrukturan semula sektor korporat di negara ini tidak bergerak se pantas yang diharapkan, Dr Mahathir berkata : "Sebenarnya saya tak tahu tetapi perkara ini agak rumit...penstrukturan melibatkan banyak penilaian semula, mungkin untuk meninjau sama ada penggabungan perlu dilakukan.

"Semua ini memakan masa...jika kita gopoh, kita akan capai penggabungan tetapi syarikat-syarikat itu akan gagal."

-- BERNAMA

MOT MR SHY MAI